

Anda dinasihatkan untuk hadir di Kaunter Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan **45 minit lebih awal dari masa janji temu** yang diberi bagi tujuan pendaftaran dan persediaan prosedur

- Sekiranya anda datang lewat daripada masa janji temu anda, pemeriksaan anda berkemungkinan akan dijadualkan ke tarikh yang lain.
- Pastikan anda hadir awal untuk mengelakkan masalah kesesakan lalu lintas , tempat letak kereta dan lain-lain.
- Sila bawa kad pengenalan/ pasport untuk tujuan pengesahan.
- Sila bawa slip janji temu dan sebarang imej pemeriksaan dari hospital lain pada hari janji temu anda (sekiranya ada). Contoh: Filem Sinar-X, CT Scan, Ultrasound dan sebagainya.

**Jika anda tidak dapat menghadiri janji temu ini sila hubungi kami:**

**Tel: 03-79496688 (Kaunter Janji Temu Fluoroskopi)**

- Sila maklumkan kami 2 minggu lebih awal atau secepat yang mungkin sekiranya anda tidak dapat menghadiri janji temu ini.
- Anda akan dihubungi sekiranya terdapat sebarang perubahan pada tarikh janji temu yang diberikan.
- Sekiranya terdapat pertukaran pada nombor telefon anda, sila hubungi nombor telefon di atas untuk makluman kami.
- Sila simpan nombor telefon di atas dalam telefon bimbit anda supaya anda dapat mengenalpasti sebarang panggilan daripada pihak hospital berhubung janji temu anda.

**JABATAN PENGIMEJAN BIO-PERUBATAN  
PPUM**

**JANJI TEMU & MAKLUMAT PEMERIKSAAN  
HISTEROSALFINGOGRAFI  
(HSG)**

BAHAGIAN PEMERIKSAAN: .....

NAMA: .....

NOMBOR PENDAFTARAN: .....

TARIKH JANJI TEMU: .....

MASA JANJI TEMU: ..... PAGI/PETANG

CAJ PROSEDUR: RM..... DEPOSIT: RM.....

CAJ ALATAN (Kaunter PharmUMMC) : RM .....

NAMA ALATAN PERUBATAN : .....

ALAHAN/ ASMA: TIDAK/ YA .....

TARIKH HAID TERAKHIR: .....

JANJI TEMU DIBERI OLEH: .....

TARIKH : .....

**Peringatan : Sila baca semua maklumat dalam risalah ini dengan teliti**

## **1. Apakah itu HSG?**

HSG adalah prosedur yang menggunakan Sinar-X bagi pemeriksaan ke atas sistem reproduktif wanita. Prosedur ini hanya akan dilakukan sebaik sahaja tempoh haid anda berakhir. Anda perlu memaklumkan tarikh hari pertama kitaran haid kepada staf di Kaunter Janji temu supaya tarikh janji temu boleh diberikan dengan sewajarnya. Tarikh janji temu akan diberikan pada hari terakhir kitaran haid anda (jika boleh).

## **2. Bagaimanakah prosedur ini dilakukan**

- Alat khas akan dimasukkan ke dalam ruang faraj dan kontras akan disuntik oleh Pakar Radiologi. Imej Sinar-X akan diambil sepanjang prosedur tersebut.
- Sekiranya anda mempunyai alahan terhadap ubat, makanan laut atau mempunyai sejarah asma, sila maklumkan kepada staf janji temu yang bertugas.
- Jika anda mempunyai preskripsi steroid anda dikehendaki untuk mengambil dos seperti yang telah ditetapkan.
- Untuk pesakit wanita dalam kategori umur yang berkemungkinan untuk mengandung, pemeriksaan ini akan dilakukan 10 hari daripada tarikh pertama haid anda.

## **3. Persediaan Pesakit Sebelum Pemeriksaan HSG :**

- Jangan mengambil apa-apa makanan 3 jam sebelum prosedur anda.
- Anda dinasihatkan supaya membawa seseorang untuk mengiringi anda semasa janji temu ini.

## **4. Penjagaan selepas pemeriksaan HSG :**

- Terdapat kemungkinan pengaliran keluar cecair atau darah daripada vagina selama 1 hingga 2 hari selepas prosedur ini dijalankan. Jika keadaan ini berlarutan, sila rujuk kepada doktor anda.